



Kementerian Kesihatan Malaysia



KEPRIHATINAN KESIHATAN
KESEJAHTERAAN KOMUNITI



2025

BULETIN PKD KULAI

*Keprihatinan Kesihatan,
Kesejahteraan Komuniti*



ISI KANDUNGAN

Program Pengukuhan Nilai-nilai Murni	I
Aktiviti Unit Promosi Kesihatan	10
Aktiviti Unit Primer	15
Aktiviti Unit Kesihatan Ibu dan Anak	19
Aktiviti Unit Inspektorat & Perundangan	24
Aktiviti Unit Vektor	25
Aktiviti Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD)	29
Aktiviti Unit Kawalan Penyakit Berjangkit (CDC) / Survelan	33
Aktiviti Unit Tuberkulosis	39
Aktiviti Unit HIV/STD/Hep C	42
Aktiviti Unit Farmasi	45
Aktiviti Unit Pemakanan	55
Majlis Apresiasi Kecemerlangan Anggota	59
Lensa Klinik Kesihatan Kulai Besar	61
Lensa Klinik Kesihatan Kulai	62
Lensa Klinik Kesihatan Senai	63
Lensa Klinik Kesihatan Kelapa Sawit	64
Lensa Warga Kiambang	65



JAWATAN KUKUSA

Penaung

Dr Mohd Anwar Shahrir Bin Ahmad

Pengerusi

Dr Nuzidah Binti Jumaat

Ketua Editor

Dr Naffisah Binti Othman

Penolong Editor

Dr Nur Liyana Binti Md. Raduwan

JK Kandungan / Laporan

Dr Nur Adlin Binti Adnan

Dr Muhammad Naqib Bin Mohamed

Dr Nuzul Hazwin Bin Mohamad Hanafi

Dr Nur Liyana Binti Md. Raduwan

Dr Sharifah Fasehah Binti Abdul Halim

Dr Abdul Salam Bin Abd Manaff

Dr Muhammad Zaini Fikri Bin Muhamad Yusof

Pn Nadia Farhana Binti Ismail

Pn Veenothini A/P Pentaya

Pn Ainal Mardhiyyah Binti Shahrudin

Pn Suhaniza Hasnur Binti Jailani

JK Grafik / Penerbitan

En Mohd Tarmizi Bin Mohd Najib

En Osman Bin Kamaluddin

PRAKATA

KETUA EDITOR



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, E-Buletin Pejabat Kesihatan Daerah Kulai Tahun 2025 ini dapat diterbitkan sebagai wadah dokumentasi dan perkongsian pelbagai aktiviti, program serta inisiatif kesihatan awam yang telah dilaksanakan sepanjang tahun. Penerbitan buletin ini mencerminkan komitmen berterusan warga PKD Kulai dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, berkesan dan berteraskan keperluan komuniti setempat.

Sepanjang tahun 2025, PKD Kulai telah melaksanakan pelbagai aktiviti merangkumi perkhidmatan kesihatan ibu dan anak, program imunisasi, saringan penyakit tidak berjangkit, kawalan penyakit berjangkit, promosi kesihatan, latihan dan pembangunan kapasiti anggota serta kolaborasi bersama agensi dan komuniti. Setiap usaha ini digerakkan dengan semangat kerja berpasukan, profesionalisme dan dedikasi tinggi demi mencapai matlamat kesihatan awam yang mampan di daerah Kulai.

Sehubungan itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga PKD Kulai, rakan strategik serta pihak berkepentingan yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung kepada kejayaan pelaksanaan aktiviti sepanjang tahun ini. Saya mewakili sidang redaksi Buletin PKD Kulai 2025 memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan dalam edisi kali ini. Kami berharap agar para pembaca berpuas hati dalam kandungan yang disediakan.

DR NAFFISAH BINTI OTHMAN

Ketua Editor

Buletin PKD Kulai 2025

SEKAPUR SIREH

PEGAWAI KESIHATAN DAERAH KULAI



*Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah SWT, saya merakamkan penghargaan atas penerbitan E-Buletin Pejabat Kesihatan Daerah Kulai Tahun 2025 yang menghimpunkan pelbagai aktiviti, program serta pencapaian warga PKD Kulai sepanjang tahun. Penerbitan buletin ini bukan sahaja menjadi medium dokumentasi, malah mencerminkan komitmen berterusan organisasi dalam memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan awam yang holistik, inklusif dan berfokuskan kesejahteraan rakyat.

Tahun 2025 menyaksikan pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik merangkumi perkhidmatan kesihatan ibu dan anak, pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit, pengukuhan program penyakit tidak berjangkit, promosi kesihatan, pembangunan kapasiti anggota serta kerjasama erat bersama pelbagai agensi dan komuniti setempat. Segala usaha ini dilaksanakan berlandaskan prinsip kerja berpasukan, integriti dan profesionalisme demi memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan mampan dapat disampaikan kepada masyarakat di daerah Kulai.

Sehubungan itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga PKD Kulai atas dedikasi dan komitmen yang tidak berbelah bahagi, serta kepada semua rakan strategik dan pihak berkepentingan yang telah memberikan sokongan berterusan. Semoga E-Buletin PKD Kulai 2025 ini dapat menjadi sumber rujukan, inspirasi dan motivasi untuk terus melangkah ke hadapan dalam usaha memperkasakan kesihatan awam demi kesejahteraan masyarakat dan negara.

DR MOHD ANWAR SHAHRIR BIN AHMAD

Pegawai Kesihatan Daerah Kulai
Pejabat Kesihatan Daerah Kulai

PROGRAM IHYA' RAMADAN KLUSTER JOHOR SELATAN 2025

Program Ihya' Ramadan peringkat Kluster Johor Selatan telah dianjurkan pada 19 Mac 2025 bertempat di Dewan Mahligai, Hospital Kulai melibatkan warga kerja Hospital Kulai, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kulai dan Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kulai. Program ini bertujuan memupuk penghayatan nilai-nilai murni Ramadan, mengukuhkan ukhuwah serta memperkasakan sahsiah anggota. Majlis telah disempurnakan perasmianya oleh Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Dr Hj. Mohtar bin Pungut @ Hj Ahmad.

19 MAC 2025



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA & HARI MALARIA PERINGKAT PKD KULAI 2025

25 MEI 2025



Majlis Sambutan Hari Raya dan Hari Malaria Sedunia Peringkat PKD Kulai telah diadakan pada 25 Mei 2025 bertempat di Klinik Kesihatan Kulai. Antara pengisian utama program ialah pertandingan booth Hari Raya serta pameran Hari Malaria Sedunia yang bertujuan meningkatkan kesedaran warga kerja dan masyarakat terhadap pencegahan malaria. Program ini turut bertujuan memupuk nilai-nilai murni, semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan anggota PKD Kulai. Majlis telah dirasmikan oleh Pegawai Kesihatan Daerah Kulai, Dr Mohd Anwar Shahrir bin Ahmad





PERTANDINGAN SUDUT HARI MALARIA SEDUNIA



SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN PERINGKAT DAERAH KULAI

Jalan Utama Pejabat Daerah Kulai



SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN PERINGKAT PKD KULAI



Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat PKD Kulai telah dianjurkan pada 29 Ogos 2025 bagi menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan warga kerja. Pelbagai pengisian aktiviti dilaksanakan seperti pertandingan dekorasi sudut merdeka di antara klinik dan unit serta aktiviti penghayatan nilai kenegaraan. Program ini bertujuan memupuk nilai-nilai murni seperti semangat patriotik, perpaduan, kerjasama, hormat-menghormati dan tanggungjawab, selaras dengan aspirasi pembinaan masyarakat yang bersatu padu dan berdaya saing.



SAMBUTAN MAULIDURRASUL PERINGKAT DAERAH KULAI

5 SEPTEMBER 2025

Sambutan Maulidur Rasul 1448H Peringkat Daerah Kulai telah diadakan pada 5 September 2025 bertempat di Masjid Al-Mubarak, Bandar Putra Kulai. Majlis dimeriahkan dengan perarakan Maulidur Rasul yang disertai oleh semua jabatan di peringkat daerah dan ceramah bertemakan “Membangun Ummah, Maju Johor”. Seramai 30 orang peserta mewakili jabatan kesihatan - PKD Kulai, Hospital Kulai dan Pejabat Pergigian Daerah Kulai telah mengambil bahagian dalam perarakan tersebut. Sambutan ini bertujuan menyemarakkan kecintaan kepada Rasulullah SAW, menghayati nilai-nilai murni Islam serta memperkukuh ukhuwah dan perpaduan antara jabatan. Dalam program ini, PKD Kulai telah memenangi Anugerah Sepanduk Terbaik Tempat Kedua di antara jabatan-jabatan dalam daerah Kulai. Tahniah !!



PROGRAM KOSPEN WOW : WARGA PKD AKTIF SEMPENA SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT PKD KULAI



4 OKTOBER 2025

FUN RUN 5 KM PKD KULAI

Program KOSPEN WOW: Warga PKD Aktif telah dianjurkan sempena sambutan Hari Sukan Negara sebagai inisiatif mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan warga PKD Kulai. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Fun Run 5km, pertandingan badminton dan pertandingan futsal. Program ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan tahap kecergasan fizikal, malah memupuk nilai-nilai murni seperti kerjasama berpasukan, disiplin, semangat kesukanan, integriti, toleransi, hormat-menghormati dan kebersamaan dalam kalangan anggota, sekali gus mengukuhkan perpaduan serta kesejahteraan warga kerja.



KONVENSYEN INOVASI JOHOR SELATAN 2025, MBIP ISKANDAR PUTERI

9 OKTOBER 2025

Konvensyen Inovasi Johor Selatan telah diadakan pada 9 Oktober 2025 bertempat di Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) dengan penglibatan tiga Pejabat Kesihatan Daerah iaitu PKD Johor Bahru, PKD Pontian dan PKD Kulai. Konvensyen ini menjadi platform perkongsian amalan terbaik serta pemerkasaan budaya inovasi dalam perkhidmatan kesihatan. Pertandingan melibatkan kategori QA, Inovasi dan KIK telah dilaksanakan bagi menggalakkan penjanaan idea kreatif, penyelesaian masalah secara sistematik serta peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan. Diharapkan penganjuran konvensyen ini dapat diteruskan pada tahun 2026 dengan penyertaan yang lebih meluas dan projek berimpak tinggi ke arah kecemerlangan organisasi.



PROGRAM KOSPEN WOW : WARGA PKD AKTIF SEMPENA SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT PKD KULAI



PERTANDINGAN BADMINTON

17 OKTOBER 2025



PERTANDINGAN FUTSAL

10 OKTOBER 2025





TRAINING OF TRAINERS (TOT) MYCHAMPION

Unit Promosi Kesihatan telah berjaya menganjurkan Program Training of Trainers (TOT) MyChampion pada 24 dan 25 Ogos 2025 bertempat di Teluk Gorek, Mersing. Program ini telah disertai oleh seramai 47 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil terpilih daripada daerah Kulai, Pontian dan Mersing dengan peranan sebagai pemudah cara dan ejen perubahan dalam komuniti masing-masing. Pelaksanaan program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran serta kefahaman peserta berkaitan promosi kesihatan, di samping memperkukuhkan keupayaan mereka dalam menyampaikan mesej gaya hidup sihat secara berkesan dan berterusan. Melalui pendekatan latihan berstruktur dan interaktif, program ini diharap dapat menyokong usaha berterusan Unit Promosi Kesihatan dalam memperkasa komuniti ke arah kesejahteraan dan kualiti hidup yang lebih baik.



TRAINING OF TRAINERS (TOT) COMBI

Unit Promosi Kesihatan telah menganjurkan Program Training of Trainers (TOT) COMBI pada 11 September 2025 bertempat di Taman Scientex Kelapa Sawit. Program ini telah disertai oleh seramai 15 orang ahli baharu yang dipilih bagi memperkukuhkan pelaksanaan strategi Communication for Behavioural Impact (COMBI) di peringkat komuniti. Penganjuran program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan awal serta meningkatkan kefahaman peserta terhadap konsep, peranan dan pendekatan COMBI dalam menyampaikan mesej kesihatan secara berfokus dan berkesan. Melalui sesi latihan yang tersusun dan berorientasikan praktikal, para peserta diharap dapat berfungsi sebagai penggerak utama dalam usaha promosi kesihatan serta menyokong inisiatif pencegahan dan kawalan masalah kesihatan awam secara berterusan di kawasan masing-masing.





Jelajah ANMS 1.0

Unit Promosi Kesihatan dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah telah menganjurkan Program Kesihatan Warga Emas – “Old is Gold: The Golden Era Begins at 40” pada 12 Jun 2025 bertempat di Dewan Taman Putri, Kulai. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Permai merangkap Exco Kerajaan Negeri Johor, bersama-sama dengan Pegawai Kesihatan Daerah, Dr. Anwar Shahrir bin Ahmad. Dato’ Haji Mohd Jafni bin Md Shukor merupakan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor dan ADUN Bukit Permai yang aktif dalam pelbagai inisiatif masyarakat.





Jelajah ANMS 1.0



Program ini turut merangkumi aktiviti lawatan ke 10 buah rumah oleh ahli MyChampion sebagai usaha mendekati komuniti serta menyampaikan mesej kesihatan secara terus kepada warga emas.



Jelajah ANMS 2.0



Program Jelajah ANMS 2.0 - Gerakan Komuniti Sihat, Plogging Komuniti telah diadakan di Pangsapuri Rakyat, Jalan Cengal, Bandar Putra, Kulai pada 10 Ogos 2025. Program ini telah dirasmikan oleh Ahli Majlis Majlis Perbandaran Kulai (MPKu), Puan Hajah Nurul Nadia Ab Azis. Pelaksanaan program ini merupakan hasil kolaborasi bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Kulai. Program ini turut disertakan dengan booth pameran serta saringan kesihatan kepada penduduk setempat. Selain itu, aktiviti lawatan ke 10 buah rumah turut dijalankan oleh ahli MyChampion sebagai usaha mendekati komuniti dan menyampaikan mesej kesihatan secara terus kepada komuniti.



KELAB WARGA EMAS TAMAN PUTRI KULAI

Kelab Warga Emas Taman Putri di bawah kelolaan Klinik Kesihatan Kulai telah dilancarkan pada 12 Jun 2025. Ini adalah salah satu inisiatif dari Pejabat Kesihatan Daerah Kulai untuk meningkatkan penglibatan komuniti dalam penjagaan kesihatan warga emas. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2025. Aktiviti dijalankan setiap hari Rabu sentiasa mendapat sambutan dari ahli kelab dan juga komuniti setempat.





Ceramah Permakanan Sihat Warga Emas

AKTIVITI KELAB WARGA EMAS

Sambutan Hari Diabetis



Sambutan Pink Oktober



MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PKD KULAI & PENYERAHAN AMBULANS KLINIK KESIHATAN KULAI



Sambutan Maulidur Rasul peringkat Pejabat Kesihatan Daerah Kulai dan Majlis Penyerahan Ambulans bagi KK Kulai telah berlangsung pada 24 Oktober 2025.

Gimik penyerahan ambulans telah disempurnakan oleh Pegawai Kesihatan Daerah, Dr Mohd Anwar Shahrir bin Ahmad kepada Pakar Perubatan Keluarga KK Kulai, Dr Hanihaselah binti Mohd Saleh.

Jenis Kenderaan: Ambulans
(TOYOTA HIACE SLWB 2.8CC DIESEL
AUTO)

No. Pendaftaran: BSG7939

Tarikh Terima: 18.09.2025

Kategori: Kenderaan Kecemasan (Emergency
Medical Services)

Dilengkapi dengan peralatan perubatan asas
dan kecemasan.

Direka untuk keselesaan pesakit dan
keselamatan petugas semasa operasi kecemas.

PROGRAM VAKSINASI INFLUENZA UNTUK WARGA EMAS DAERAH KULAI 2025

Program Vaksinasi Influenza untuk Warga Emas Daerah Kulai bermula sejak Februari 2025. Vaksinasi mengurangkan risiko kemasukan warga emas ke hospital dan kematian. Seramai 1900 orang jumlah keseluruhan warga emas yang telah menerima suntikan vaksin influenza. Program ini dijalankan di semua klinik kesihatan PKD Kulai termasuk outreach ke pusat jagaan warga emas di Kulai.



MR-SIA

(Measles-Rubella Supplementary Immunisation Activity)

Aktiviti Pengukuhan Imunisasi Measles-Rubella telah dilaksanakan di seluruh Daerah Kulai dari 4 Ogos hingga 14 Disember 2025. Program anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Pejabat Kesihatan Daerah Kulai ini bertujuan meningkatkan liputan imunisasi kanak-kanak berusia 6 hingga 59 bulan. Pelaksanaan imunisasi dijalankan di fasiliti kesihatan, dan di lokasi tumpuan awam. Program ini turut disertai aktiviti pendidikan kesihatan dan saringan kesihatan kepada penjaga.



PROGRAM KELAS KEIBUBAAPAN DAERAH KULAI 2025

11 APRIL & 1 JULAI 2025



Dewan di Pejabat Pendidikan Daerah Kulai

Program ini bertujuan mempersiapkan bakal ibu bapa dengan pengetahuan kehamilan, kelahiran dan penjagaan bayi selaras dengan amalan Safe Motherhood. Seramai 80 orang peserta melibatkan 40 pasangan telah disasarkan. Pengisian program merangkumi ceramah kesihatan kehamilan, penjagaan antenatal dan perancangan keluarga yang diberikan oleh pakar perubatan keluarga, dan anggota unit kesihatan keluarga. Program ini turut menekankan pemakanan ibu, penyusuan susu ibu serta penjagaan postnatal dan bayi. Selain itu, Sesi praktikal dan senaman antenatal serta postnatal turut dijalankan.



PROGRAM SAMBUTAN BULAN KESEDARAN KANSER PAYUDARA (PINK OKTOBER)



PINK GREEN AERODANCETHON

Aktiviti senamrobik telah diadakan di Dataran Cahaya Kulai pada 26 Oktober 2025 dengan usahasama pasukan Kesihatan Mental Daerah kulai. Aktiviti dirasmikan oleh Pegawai Kesihatan Dearah, Dr Mohd Anwar Shahrir Bin Ahmad.

PINK OCOTBER 2025 IOI MALL KULAI

Majlis penutupan Sambutan Bulan Kesedaran Knaser Pyudara diadakan pada 31 Oktober 2025 dan dirasmikan oleh TPKA Dr Siti Khatijah Binti Abdul Rahim. Program ini diajalkan demi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengesanan awal kanser

PROGRAM SARINGAN KANSER SERVIKS & KANSER PAYUDARA



DEWAN TAMAN PUTRI KULAI, 12 JUN 2025



Saringan Kanser Serviks dan Kanser Payudara diadakan didalam khemah dan katil mudah alih ditempat-tempat program yang dijalankan.

KILANG TAI WAH, 23 MEI 2025



IOI MALL KULAI, 12 JULAI 2025

PROGRAM KESIHATAN MESRA REMAJA



Program saringan kesihatan remaja yang dijalankan disekolah-sekolah disekitar daerah kulai . Perkhidmatan kesihatan mesra remaja ditawarkan disemua klinik kesihatan kerajaan kepada remaja berusia 10-19 tahun.

DISELURUH SEKOLAH DAERAH KULAI





Pada tahun 2025, Unit Inspektorat & Perundangan telah melaksanakan 356 operasi merangkumi semua Undang-Undang Kesihatan Awam dan 85 operasi bersepadu bersama inter agensi serta daerah lain

Di bawah Undang-Undang Kesihatan Awam terdapat beberapa Akta dan Peraturan yang dikuatkuasa oleh Pegawai Diberi Kuasa (PDK) di Pejabat Kesihatan Daerah Kulai.



Penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Akta 852) pada tahun 2025 telah mengeluarkan 1,875 notis kompaun bernilai RM466 ribu dan 50 notis bagi kesalahan yang terus ke pendakwaan.

Bagi penguatkuasaan Akta Makanan 1983 PKD Kulai telah memeriksa 809 premis makanan dengan hasil 935 notis kompaun bernilai RM723 ribu dikeluarkan serta 112 premis dikenakan arahan penutupan untuk pembersihan.

Selain itu, penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 PDK telah memeriksa 27,873 premis dengan hasil 1,750 notis kompaun bernilai RM875 ribu.

PEMATUHAN AKTA, DEMI KESIHATAN & KESEJAHTERAAN AWAM

GOTONG-ROYONG BERSAMA AHLI MAJLIS ZON TAMAN AMAN (ZON 2)

Pada 23 Februari 2025 (Ahad), satu Program Gotong-Royong telah dianjurkan oleh Ahli Majlis Zon 2 Taman Aman dengan kerjasama PKD Kulai bertempat di Balairaya Kampung Sri Maju, melibatkan seramai 60 orang peserta daripada penduduk setempat, pihak berkuasa tempatan dan sukarelawan.

Program ini bertujuan membersihkan persekitaran bagi mengurangkan risiko penyakit bawaan vektor seperti denggi dan leptospirosis serta meningkatkan kesedaran komuniti terhadap amalan kebersihan. Aktiviti utama merangkumi sesi taklimat bahaya denggi dan langkah pencegahan oleh Pegawai Epidemiologi serta aktiviti gotong-royong penghapusan tempat pembiakan nyamuk.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektif penganjuran dan memberi impak positif dalam meningkatkan kesedaran kesihatan awam serta kerjasama komuniti setempat.

Gambar Aktiviti



PROGRAM GORO MEGA 2.0

Program GORO Mega 2.0 telah dilaksanakan pada 09 November 2025 (Ahad) di Dewan Terbuka Jalan Nuri, Bandar Putra dan dirasmikan oleh Ahli Majlis Zon Bandar Putra (Zon 8), Tuan Haji Mohd Yazit Bin Mohd Khail. Program ini merupakan inisiatif gotong-royong komuniti yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi termasuk MPKku, SWM, SWCorp, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Tadika KEMAS.

Program ini turut dimeriahkan dengan pelbagai pengisian sampingan seperti pertandingan mewarna, pertandingan kutipan sampah terberat, pameran agensi, pemeriksaan kesihatan dan cabutan bertuah. Penganjuran program ini telah mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan seramai 150 orang peserta.

Secara keseluruhan, Program GORO Mega 2.0 berjaya meningkatkan tahap kebersihan persekitaran, menggalakkan penglibatan komuniti serta mengukuhkan kerjasama antara agensi dan masyarakat setempat.

Gambar Aktiviti



Program Gotong-Royong dan Pemasangan Aedes Mosquito Home System (AMHS) di Jalan Cemara, Bandar Putra pada 23 Februari 2025 merupakan inisiatif bersepadu PKD Kulai bersama COMBI KRT Jalan Cemara dalam usaha pencegahan dan kawalan denggi. Program ini melibatkan aktiviti gotong-royong pengurangan tempat pembiakan nyamuk Aedes dan pengenalan AMHS sebagai kaedah kawalan vektor inovatif, dengan penerangan kepada penduduk mengenai fungsi dan pemasangannya.

Selain meningkatkan kesedaran komuniti terhadap kebersihan, program ini turut mengukuhkan kerjasama antara agensi dan masyarakat setempat. Secara keseluruhan, program ini berjaya mengurangkan risiko pembiakan nyamuk Aedes dan memupuk penglibatan aktif komuniti dalam usaha pencegahan penyakit bawaan vektor, serta wajar diteruskan sebagai sebahagian daripada strategi kawalan denggi berterusan di daerah Kulai.

PROGRAM GOTONG-ROYONG & PEMASANGAN AMHS, JALAN CEMARA, BANDAR PUTRA

Gambar Aktiviti




OPERASI BERSEPADU DI KAWASAN KEDIAMAN WARGA ASING DI DAERAH KULAI

Pada 17 Disember 2025, PKD Kulai telah melaksanakan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Kesihatan Awam di kawasan Jalan Kenanga, Indahpura dan sekitar Bandar Putra melibatkan penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 serta Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

Operasi ini dijalankan dengan kerjasama MPKu, PDRM, SWCorp, SWM serta sokongan Ahli Majlis Zon Kenanga Indahpura, dengan penglibatan lebih 50 pegawai dan anggota. Sebanyak 139 premis telah diperiksa, 8 premis didapati positif pembiakan Aedes dan 6 notis telah dikeluarkan. Bagi penguatkuasaan Akta 852, sebanyak 28 notis kesalahan dikeluarkan dengan nilai kompaun RM4,750 serta rampasan produk rokok bernilai RM591. MPKu turut mengambil tindakan lain termasuk penutupan sebuah premis perniagaan.

Secara keseluruhan, operasi ini merupakan usaha berterusan bagi memastikan persekitaran yang bersih, selamat dan melindungi kesihatan komuniti.

Gambar Aktiviti



PROGRAM WALKABOUT BEBAS, SAMBUTAN HARI TANPA TEMBAKAU, HARI TUBERKULOSIS & OPS CAKNA PERINGKAT NEGERI JOHOR


12 Julai 2025 , IOI Mall, Kulai - Satu Program Walkabout BeBAs, Sambutan Hari Tanpa Tembakau, Hari Tuberkulosis dan Ops CAKNA 2025 Peringkat Negeri Johor telah diadakan dengan kolaborasi bersama jabatan Kesihatan Negeri Johor dan Pejabat Kesihatan Daerah Kulai (Unit NCD, Unit Tibi, UIP, Unit Keselamatan Makanan) bertujuan meningkatkan pengetahuan, kesedaran anggota kesihatan serta masyarakat tentang bahaya produk tembakau, kesan kepada kesihatan , intervensi serta amalan gaya hidup sihat bebas Asap rokok serta mengukuhkan kolaborasi bersama pelbagai agensi dalam mempromosikan amalan gaya hidup sihat dan kempen Bebas Asap Rokok – Melalui Program Premis Bersih, Bebas Asap (BeBAs). Program ini telah dihadiri oleh 300 orang pengunjung dari komuniti daerah Kulai dan agensi Kerajaan. Program ini juga turut disertai oleh pelajar dari Universiti Teknologi Malaysia dan Kolej e access. Program sambutan ini telah dirasmikan oleh YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan. Program ini turut disertai oleh YB Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi JK Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, YBrs. Ts. Zailina binti Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan) KKM, YBrs. Dr. Hj. Mohtar bin Pungut@Hj. Ahmad, Pengarah Kesihatan Negeri Johor serta wakil-wakil Bahagian Ibu Pejabat KKM dan JKN Johor.



Bual Bicara Bersama Pakar & Perkongsian Bekas pesakit evali dan pesakit Tibi



Pengiktirafan BeSS di 10 premis terpilih dan edaran sticker larangan merokok kepada ehailing



Pameran Interaktif Jabatan Kesihatan dan Agensi



Peraduan Mewarna



Pertandingan Explorace bersama pelajar UTM dan Kolej e-Access

BENGGEL K-MINDSET & MYSAVE PERINGKAT DAERAH KULAI




11-12 NOVEMBER 2025

Program Pengendalian Tingkah Laku Bunuh Diri (MySAVE) dan Bengkel Komuniti Minda Sejahtera (K-mindSET) telah berjaya dilaksanakan pada 11-12 November 2025 bertempat di Dewan Seminar Pusat Pentadbiran Daerah & Tanah Kulai. Program anjuran Unit Penyakit Tidak Berjangkit (NCD), MHPSS PKD Kulai ini bertujuan meningkatkan kefahaman dan kemahiran peserta dalam mengenal pasti, menilai serta memberi sokongan awal kepada individu berisiko tingkah laku bunuh diri.

Seramai 60 orang peserta terdiri daripada anggota KKM, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia serta ketua komuniti telah menyertai program ini.

Program selama dua hari ini dijalankan secara interaktif melalui ceramah, perbincangan kes dan aktiviti role play, meliputi topik pengesanan awal masalah kesihatan mental, kemahiran komunikasi, bantuan psikososial, pengurusan emosi sendiri dan asas Bantuan Awal Psikologi.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Tuan Fizwan bin Dato' Hj Mohd Rashidi, Pegawai Daerah Kulai, serta disusuli penyerahan Plak Komuniti Minda Sejahtera oleh Dr Mohd Anwar Shahrin bin Ahmad, Pegawai Kesihatan Daerah Kulai kepada Pejabat Daerah Kulai sebagai simbolik kerjasama strategik.



PROGRAM SAMBUTAN HARI DIABETES & HARI KANAK-KANAK SEDUNIA

PKD Kulai telah menganjurkan Program Sambutan Hari Diabetes & Hari Kanak-Kanak Sedunia pada 15 November 2025 di The Commune Lifestyle Mall, Kulai, melibatkan lebih 300 pengunjung.

Program bersepadu anjuran Unit NCD & Unit MCH ini menekankan pencegahan dan pengurusan diabetes serta kesejahteraan kanak-kanak tanpa gajet, melalui pelbagai aktiviti interaktif seperti Kembara Pasaraya Sihat, pertandingan Bento Sihat, 3K Step Diabetic Explore Challenge, Zumba, pertandingan mewarna, inovasi kanak-kanak dan mini sukan Active Kids.

Program ini turut dimeriahkan dengan reruai pendidikan diabetes dan perkembangan kanak-kanak, pertandingan video pencegahan diabetes serta penyampaian Anugerah Penghargaan KOSPEN WOW & KOSPEN Komuniti, sejajar dengan tema “Diabetes dan Kesejahteraan di Tempat Kerja.”

Program telah dirasmikan oleh Dr Mohd Anwar Shahrir bin Ahmad, Pegawai Kesihatan Daerah Kulai.



Team Diabetic Educator



Pertandingan Bento Sihat




Inovasi Kanak-Kanak



Kembara Pasaraya Sihat bersama pesakit Diabetes



Urusetia bersama Rakan Strategik



Zumba

PROGRAM PENGUKUHAN PENGURUSAN KESIHATAN MENTAL KLINIK KESIHATAN

Program Pengukuhan Pengurusan Kesihatan Mental di Klinik Kesihatan telah dilaksanakan pada 8 Ogos 2025 bertempat di Dewan Sri Mahligai, HTSMTI anjuran Unit Penyakit Tidak Berjangkit (NCD), MHPSS PKD Kulai, melibatkan 23 orang peserta terdiri daripada anggota PKD Kulai, Klinik Pergigian PKD Kulai dan HTSMTI. Program ini bertujuan meningkatkan kemahiran pengurusan dan pengendalian pesakit kesihatan mental di klinik kesihatan melalui perkongsian multidisiplin yang merangkumi aspek klinikal, kaunseling serta rehabilitasi, sekali gus memperkukuh keupayaan anggota dalam memberikan perkhidmatan kesihatan mental yang lebih berkesan dan holistik.



Art Therapy bersama peserta



Senaman Relaksasi oleh jurupulih Physio



Sesi Ceramah oleh Dr Zatul Itrie A Rahim , Pegawai Penyelaras Kesihatan Mental Daerah



Sesi Interaktif bersama peserta



Penyampaian Hadiah



Peserta tekun mendengar ceramah yang disampaikan

Program Townhall Penyakit Berjangkit di Kalangan Kanak-Kanak telah diadakan pada 27 Februari 2025 di Bilik Seminar SMK Kulai Besar, anjuran Unit Kawalan Penyakit Berjangkit, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kulai dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kulai. Seramai 105 peserta menyertai program ini melibatkan kehadiran fizikal dan siaran langsung Facebook Live, terdiri daripada pengusaha dan guru taska serta tadika. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit dalam kalangan kanak-kanak, khususnya influenza, HFMD, campak dan COVID-19. Ceramah oleh Dr. Muhammad Naqib Bin Mohamed menekankan aspek kebersihan, vaksinasi dan pemantauan kesihatan. Turut hadir ialah Dr. Muhammad Alimin Bin Mat Reffien, Pakar Perubatan Kesihatan Awam PKD Kulai, dan En. Mohamed Edham Bin Mohamed Rawi, Penolong Pegawai PPD Kulai. Secara keseluruhannya, program ini memberi impak positif dalam meningkatkan kesiapsiagaan pengusaha dan guru taska serta tadika dalam mengawal penyakit berjangkit demi kesejahteraan kanak-kanak.

PROGRAM TOWNHALL

27 FEBRUARI 2025



AKTIVITI PONDOK PANAS

15 & 16 MAC 2025


Aktiviti “Pondok Panas” HFMD telah diadakan pada 15 dan 16 Mac 2025 di IOI Mall Kulai, anjuran Unit Promosi Kesihatan dan Unit Kawalan Penyakit Berjangkit, Pejabat Kesihatan Daerah Kulai dengan kerjasama pihak pengurusan IOI Mall Kulai. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai bahaya Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) serta langkah pencegahan bagi mengawal penularannya. Sepanjang dua hari pameran, pengunjung diberikan pendedahan mengenai tanda-tanda, cara jangkitan dan langkah pencegahan HFMD melalui sesi penerangan interaktif. Penekanan turut diberikan terhadap kepentingan menjaga kebersihan tangan dan persekitaran serta mendapatkan rawatan segera sekiranya kanak-kanak menunjukkan gejala HFMD.



ONE HEALTH FIELD PROGRAM

6-7 MEI 2025

Pada 6 hingga 7 Mei 2025, Unit CDC, Jabatan Kesihatan Negeri Johor menganjurkan One Health Field Program di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Program ini dihadiri pegawai dari kesihatan manusia, veterinar dan alam sekitar bagi meningkatkan pengesanan awal penyakit zoonotik, kerjasama antara sektor, serta kesedaran komuniti. Hari pertama melibatkan ceramah mengenai One Health Approach dan aktiviti kumpulan membincangkan pengurusan penyakit zoonotik. Hari kedua peserta melawat UK Farm Kluang, mempelajari pengurusan ternakan, vaksinasi, pelupusan najis dan surveilan penyakit seperti Avian Influenza dan Newcastle Disease. Program ini bertujuan memperkukuh pencegahan penyakit, tindak balas wabak dan kesedaran awam melalui pendekatan One Health bersepadu.



Karnival Kesihatan telah diadakan pada 11 Jun 2025 bertempat di Sekolah Kebangsaan Kota Kulai 1 dan Sekolah Kebangsaan Kota Kulai 2, anjuran Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kulai dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Kulai. Karnival ini telah dirasmikan oleh Dr. Mohd Anwar Shahrir bin Ahmad, Pegawai Kesihatan Daerah Kulai, dan dihadiri kira-kira 200 orang pelajar dari setiap sekolah. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran murid terhadap amalan gaya hidup sihat serta pencegahan penyakit berjangkit seperti HFMD dan Influenza. Pelbagai aktiviti termasuk pameran kesihatan, senamrobik dan ceramah telah dijalankan, sekali gus memberi impak positif kepada pelajar dan warga sekolah.

11 JUN 2025

KARNIVAL KESIHATAN SEKOLAH



19 JULAI 2025

PROGRAM BUTTERFLY MINI CARNIVAL

Pada 19 Julai 2025, Unit Kawalan Penyakit dan Survelan serta Unit Promosi Kesihatan, PKD Kulai membuka booth pameran kesihatan dan menjadi panel penceramah di Butterfly Mini Carnival, anjuran Butterfly Education Center di The Commune Mall, Kulai. Program ini dihadiri kira-kira 200 ibu bapa, anak-anak dan tenaga pengajar dari tujuh cawangan Butterfly Education Centre. Dr Muhamad Zaini Fikri bin Mohd Yusop menyampaikan ceramah mengenai penyakit berjangkit kanak-kanak seperti HFMD, Chickenpox dan Influenza, kepentingan gatekeeping, vaksinasi, dan tindakan segera sekiranya anak menunjukkan gejala. Aktiviti lain termasuk pameran booth, workshop ibu bapa, mini games dan pertandingan mewarna. Program ini berjaya meningkatkan kesedaran ibu bapa dan guru dalam mencegah penularan penyakit berjangkit di taska dan tadika



PROGRAM PEMERKASAAN PENGGUNAAN: MICROSOFT EXCELL BAGI ANALISA DAN INTERPRITASI DATA KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT PKD KULAI

28 JULAI 2025

Pada 28 Julai 2025, Unit Kawalan Penyakit dan Survelan, PKD Kulai menganjurkan Program Pemerksaan Penggunaan Microsoft Excel bagi anggota Unit Inspektorat PKD Kulai. Seramai 40 peserta, termasuk Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Pembantu Kesihatan Awam dan Pembantu Am, menyertai program ini. Sesi pagi memberi ceramah teori mengenai asas epidemiologi dan pengendalian data kesihatan menggunakan Excel, manakala sesi petang menumpukan latihan praktikal seperti analisis e-Notis, penyediaan graf dan penggunaan pivot table. Program ini berjaya meningkatkan kemahiran teknikal peserta dalam analisis dan interpretasi data penyakit berjangkit, memudahkan penyediaan laporan, pemantauan kes, serta menyokong pengambilan keputusan berasaskan data dalam kawalan penyakit.





SAMBUTAN HARI KUSTA 2025 PERINGKAT DAERAH KULAI - ZAFAR ISLAMIC SCHOOL

20 FEBRUARI 2025

Sambutan Hari Kusta Peringkat Daerah Kulai 2025 telah diadakan di Zafar Islamic School, Kulai pada 20/2/2025. Sambutan ini merupakan satu usaha bagi meningkatkan kesedaran awam khususnya dalam kalangan pelajar dan ibu bapa mengenai penyakit kusta. Program ini telah dihadiri oleh seramai 120 orang peserta. Pelbagai aktiviti pendidikan kesihatan telah dijalankan bagi menyampaikan maklumat berkaitan pencegahan, kepentingan rawatan awal serta mesej anti-diskriminasi terhadap pesakit kusta.



KURSUS CLINICAL PRACTICE GUIDELINE (CPG) Tibi

Kursus CPG Tibi telah dilaksanakan di Dewan Mahligai bagi memastikan anggota kesihatan yang terlibat dalam pengurusan dan rawatan penyakit Tibi sentiasa kompeten dan selari dengan garis panduan klinikal terkini dalam pengurusan penyakit Tibi. Kursus ini memberi penekanan kepada aspek diagnosis, rawatan, pemantauan pesakit, pengesanan kontak serta strategi pencegahan Tibi di peringkat komuniti dan telah dihadiri oleh seramai 30 orang peserta.

18 OGOS 2025



KURSUS KUSTA

19 FEBRUARI 2025





Kursus Kusta telah dianjurkan di Dewan Mahligai dengan penglibatan anggota kesihatan daripada fasiliti kesihatan di Daerah Kulai. Kursus ini bertujuan memperkukuh pengetahuan dan kemahiran klinikal peserta dalam pengesanan awal, pengurusan kes, pemantauan rawatan serta pengendalian komplikasi penyakit kusta selaras dengan garis panduan semasa Kementerian Kesihatan Malaysia.

LAWATAN PEMANTAUAN PROGRAM TIBI DAN KUSTA DAERAH KULAI

17 OKTOBER 2025

Lawatan pemantauan Program Tibi dan Kusta telah dijalankan bagi tujuan menilai pelaksanaan program di fasiliti kesihatan di daerah Kulai serta memastikan pematuhan terhadap garis panduan dan prosedur yang ditetapkan. Lawatan ini turut mengenal pasti isu, cabaran dan jurang dalam pengurusan kes bagi membolehkan penambahbaikan berterusan dilaksanakan secara sistematik.



23 NOVEMBER 2025

PROGRAM OUTREACH KG AYER MANIS



Lawatan pemantauan Program Tibi dan Kusta telah dijalankan bagi tujuan menilai pelaksanaan program di fasiliti kesihatan di daerah Kulai serta memastikan pematuhan terhadap garis panduan dan prosedur yang ditetapkan. Lawatan ini turut mengenal pasti isu, cabaran dan jurang dalam pengurusan kes bagi membolehkan penambahbaikan berterusan dilaksanakan secara sistematik.

PROGRAM SIHAT TANPA AIDS UNTUK REMAJA

15 MEI 2025



Program Sihat Tanpa AIDS Untuk Remaja (PROSTAR) telah dijalankan di Kolej Teknologi Maju Senai melibatkan penyertaan pelajar - pelajar kolej seramai 30 orang dibantu fasilitator terlatih dari Unit HIV/STI/Hep C dan Unit Remaja Pejabat Kesihatan Daerah Kulai. Program ini membawa objektif utama meningkatkan pengetahuan dan kesedaran remaja mengenai risiko jangkitan dan cara pencegahan HIV, penyakit jangkitan seksual (STI). Antara tentatif program yang telah berjaya dilaksanakan adalah ceramah mengenai HIV dan STI oleh Pakar Perubatan Keluarga serta aktiviti dalam kumpulan. Secara keseluruhan, diakhir program didapati terdapat peningkatan pengetahuan mengenai HIV dan STI oleh semua peserta yang dinilai melalui pre & post test.



PROGRAM HOPE : TOLAK STIGMA, BEBAS HIV

22-23 JULAI 2025



Program HOPE telah dijalankan di Tiara Desaru Resort melibatkan anggota kesihatan Pejabat Kesihatan Daerah Kulai seramai 30 orang yang terdiri dari pelbagai jawatan. Program ini membawa objektif utama meningkatkan pengetahuan dan kefahaman anggota kesihatan dalam semua perkhidmatan berkaitan HIV/STI di daerah Kulai. Antara tentatif program yang telah berjaya dilaksanakan adalah ceramah mengenai HIV dan STI oleh Pakar Perubatan Keluarga, aktiviti dalam kumpulan dan team building selaras dengan modul HOPE. Secara keseluruhan, objektif program berjaya dicapai berdasarkan peningkatan kemahiran dan pengetahuan para peserta diakhir program.



KARNIVAL KESIHATAN RIBEN MERAH SEMPENA SAMBUTAN HARI AIDS SEDUNIA 2025

8 NOVEMBER 2025



Karnival Riben Merah telah diadakan bersempena Sambutan Hari AIDS sedunia 2025 bertempat di UTM. Karnival tersebut adalah kolaborasi bersama Pejabat Kesihatan Daerah Kulai, Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bharu, Pejabat Kesihatan Daerah Pontian dan Universiti Teknologi Malaysia. Aturcara utama karnival tersebut adalah aktiviti Fun Run yang melibatkan pelajar - pelajar UTM, staff - staff kesihatan dan orang awam. Terdapat juga booth - booth pameran kesihatan, aktiviti saringan kesihatan, forum HIV/AIDS dan pertandingan lain turut diadakan seperti Mobile Legend final. Sambutan karnival adalah amat menggalakkan dan karnival telah berlangsung dengan jayanya



KARNIVAL KESIHATAN RIBEN MERAH SEMPENA SAMBUTAN HARI AIDS SEDUNIA 2025

8 NOVEMBER 2025



Karnival Riben Merah telah diadakan bersempena Sambutan Hari AIDS sedunia 2025 bertempat di UTM. Karnival tersebut adalah kolaborasi bersama Pejabat Kesihatan Daerah Kulai, Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bharu, Pejabat Kesihatan Daerah Pontian dan Universiti Teknologi Malaysia. Aturcara utama karnival tersebut adalah aktiviti Fun Run yang melibatkan pelajar - pelajar UTM, staff - staff kesihatan dan orang awam. Terdapat juga booth - booth pameran kesihatan, aktiviti saringan kesihatan, forum HIV/AIDS dan pertandingan lain turut diadakan seperti Mobile Legend final. Sambutan karnival adalah amat menggalakkan dan karnival telah berlangsung dengan jayanya



BENGGEL PEMANTAPAN PERKHIDMATAN KLINIKAL BAGI PEGAWAI FARMASI



Tarikh : 16 Ogos 2025

Hari : Sabtu

Tempat : Newcastle University Medicine Malaysia (NUMed Malaysia), The Iskandar Demonstration Theatre

Peserta: 30 Pegawai Farmasi Ceramah 1: Pharmacotherapy in Asthma & COPD

Aktiviti 2: Kaunseling ubat-ubatan

Objektif Program

Bengkel ini juga memberi pendedahan dan kefahaman kepada semua pegawai farmasi tentang rawatan Asma dan COPD yang terkini dan manfaat penggunaan inhaler yang berkesan dan selamat untuk pesakit.



PHARMILY DAY



Tarikh : 8 November 2025

Hari : Sabtu

Tempat : The Luxe Event Stay.

Peserta: 40 anggota Farmasi Masa: 2.30 petang-11.30 malam

Aktiviti: Games, Secret Santa, majlis perpisahan dan makan malam.

Objektif Program

Program Pharmily Day Farmasi telah dianjurkan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga farmasi serta ahli keluarga. Program ini juga menjadi platform untuk menghargai sumbangan dan komitmen warga farmasi dalam menjalankan tugas seharian



MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA



Tarikh : 7 Februari 2025

Hari : Jumaat

Tempat : Dewan Seri Mahligai,
HTSMTI

Peserta: Semua anggota Farmasi

Masa: 12.30 petang-2.30 petang

Aktiviti: Yee Sang, majlis perpisahan
dan makan tengahari

Objektif Program

Sempena Tahun Baru Cina, para hadirin dijemput untuk menyertai acara yee sang dan menikmati jamuan yang telah disediakan. Majlis perpisahan turut diadakan untuk meraikan perpisahan anggota serta sesi bergambar sebagai tanda kenangan.



PROGRAM REKREASI MINDA SEJAHTERA 2025



Tarikh : 22 Jun 2025

Hari : Sabtu

Tempat : SIREH Park

Peserta: Semua anggota Farmasi

Masa: 7.30 pagi - 5.00 petang

Aktiviti: Taklimat motivasi, trekking, barbeque, kayak, memanah, permainan berpasukan, water confidence dan makan-makan.

Maklumat Program

Anggota dapat mengenal pasti kekuatan individu dan kebolehan mereka untuk bekerjasama sebagai satu pasukan. Ini dapat membantu meningkatkan produktiviti dan membina hubungan yang lebih kukuh di kalangan anggota.



LAWATAN DMTAC OLEH BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI



Tarikh : 18 November 2025

Hari : Selasa

Tempat : Bilik DMTAC KKKB

Peserta: Unit DMTAC

Masa: 9 pagi - 12.00 tegahari

Aktiviti: Lawatan tinjauan perkhidmatan DMTAC KKKB oleh pasukan Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi KKM

Maklumat Program

Satu lawatan bagi melihat perjalanan dan dokumentasi perkhidmatan DMTAC telah diadakan di KK Kulai Besar. Lawatan dibuat oleh Dr Aliza dan Dr. Navin yang mewakili Bahagian A&P, KKM diiringi Pn. Nancy dari BPF Johor. Mereka amat berpuas hati dengan perkhidmatan yang ditawarkan.



PHARMACY INTEGRATED COMMUNITY CARE (PICC)



Tarikh : 10 Julai 2025, 7 Ogos 2025, 28 Ogos 2025, 2 Oktober 2025.

Hari : Khamis

Tempat : Dewan Alamanda, IPD Kulai

Peserta: 33 orang dari IPD, KPM, KKM

AJK: 15 orang anggota kesihatan dan farmasi

Masa: 2.00 petang-5.00 petang

Maklumat Program

Program ini merupakan kelas tuisyen diabetes yang dijalankan untuk mengoptimumkan rawatan diabetes pesakit di komuniti. Merupakan projek multi-disiplin menggabungkan doktor, farmasi, pemakanan, terapi fisio dan carakerja serta jururawat. Ia juga program kerjasama dengan HTSMTI.



HARI FARMASI & KESELAMATAN PESAKIT



Tarikh : 6 Oktober 2025

Hari : Khamis

Tempat : Central Court, Aeon Kulaijaya

Peserta: Pelajar sekolah rendah & menengah, UTM dan orang ramai

AJK: 35 orang anggota PKD multidisplin dengan kerjasama Aeon Mall Kulaijaya dan Bhgn Perkhidmatan Farmasi Johor

Maklumat Program

Sambutan Hari Farmasi peringkat Daerah ini digabungkan bersama Hari Keselamatan Pengubatan telah dijalankan selari Bulan Malaysia Sihat Sejahtera. Program ini diserikan dengan pelbagai reruai pameran, pertandingan mewarna, explorace, fun Mall Walk serta majlis perasmian penutup. Kehadiran pengunjung ramai dan meriah. Tema 'Think Smart, Act Safe-Together with Pharmacy' telah diambil untuk sambutan ini.



KURSUS KESELAMATAN PENGUBATAN



Tarikh : 26 Mei 2025

Hari : Isnin

Tempat : Dewan Seri Mahligai, Hospital TMSTI, Kulai

Peserta : 26 orang anggota PKD Kulai

Maklumat Program: Kursus ini dijalankan bagi menyampaikan kepentingan keselamatan pengubatan pada setiap peringkat perawatan kesihatan pesakit. Peserta diberi taklimat, latihan dan kuiz bagi meastikan kefahaman tentang perkara ini.

SAMBUTAN HARI RAYA UNIT FARMASI



Tarikh : 19 April 2025

Hari : Sabtu

Tempat : Bilik Mesyuarat KK Kulai Besar

Peserta : Semua Anggota Farmasi

Maklumat Program: Sambutan Hari Raya Farmasi dijalankan bersama-sama Mesyuarat Pengurusan Farmasi Bil.1/2025. Perlbagai aktiviti dijalankan, antaranya permainan, pemberian duit raya, CME dan jamuan pelbagai juadah hari raya.

PHARMSPORT 2025



Tarikh : Sepanjang Julai 2025

Hari : Sabtu / Ahad

Peserta : Semua Anggota Farmasi mewakili daerah ke Pharmsport peringkat Negeri Johor

Maklumat Program: Pertandingan yang disertai ialah:

- Bola Tampar Lelaki
- Bola Tampar Wanita
- Boling
- Futsal Lelaki
- Futsal Wanita

LATIHAN KATERING SIHAT UNTUK PENGUSAHA DAN PENGENDALI MAKANAN DI KANTIN SEKOLAH DAERAH KULAI 2025

4 JUN 2025

Latihan Katering Sihat diadakan dengan matlamat untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pengendali makanan mengenai penyediaan hidangan yang sihat dan selamat.

Latihan ini telah dihadiri seramai 90 orang peserta yang terdiri daripada pengusaha dan pengendali makanan di kantin sekolah - sekolah daerah Kulai.



SAMBUTAN MINGGU PENYUSUAN SUSU IBU SEDUNIA PERINGKAT NEGERI JOHOR TAHUN 2025

Tema Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia pada tahun ini adalah “Prioritize Breastfeeding: Create Sustainable Support Systems”. Tema ini menekankan kepentingan mewujudkan persekitaran yang menyokong ibu menyusu, agar mereka dapat meneruskan penyusuan susu ibu walaupun menghadapi cabaran dalam kehidupan seharian.

Sambutan ini telah diadakan di Pejabat Daerah Kulai pada 14 Ogos 2025 dan dihadiri seramai 297 orang daripada seluruh negeri Johor.



PROGRAM HER@CAMPUS DI UTM SKUDAI, JOHOR

22 MEI 2025

Program HER@Campus (Healthy Eating Responsibility) telah diadakan pada 22 Mei 2025 dengan kerjasama PKD Kulai, JKNJ dan UTM Johor bertempat di UTM Skudai

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan seperti pameran pemakanan dan gaya hidup sihat, siri pocket talks, saringan kesihatan dan edaran free meal kepada pelajar.



POCKET TALKS

HER@CAMPUS

 <p>11.30 AM - 12.30 PM</p> <p>'KESIHATAN ANDA, ASET ANDA' DR NOR ADLINA BT JAMONEK, PAKAR PERUBATAN KELUARGA UDI4</p>	 <p>2.00 PM - 3.00 PM</p> <p>'MAKAN SIHAT, TAMPIL HEBAT' PN SUHANIZA HASNUR BT JAILANI PEGAWAI SAINS PEMAKANAN C10</p>
 <p>3.00 PM - 4.00 PM</p> <p>'TOLAK UBAT TIDAK SAH' PN MAHIRAH IZZATI BT A. RAZAK KETUA PENOLONG PENGARAH (KUATKUASA) UF12</p>	 <p>4.00 PM - 5.00 PM</p> <p>'CERGASKAN DIRI ANDA' EN MUHAMMAD HARRIS BIN ZAHID JURUPULIH PERUBATAN FISIOTERAPI U5</p>

STUDENT UNION BUILDING (SUB), UTM SKUDAI

22 MEI 2025, KHAMIS



PROGRAM MESRA KOMUNITI BERSAMA AHLI DAPUR SIHAT MASYARAKAT (DSM) FELDA BUKIT BATU, KULAI

11 DISEMBER 2025



PROGRAM HI-TEA 2025 @ FOREST CITY GOLF HOTEL


Pejabat Kesihatan Daerah Kulai telah berjaya menganjurkan Majlis Kecemerlangan Anggota, Persaraan 2025 serta Amanat Pegawai Kesihatan Daerah pada 31 Januari 2026 bertempat di Forest City Golf Hotel, majlis yang berkonsepkan Hi-Tea ini bukan sekadar medan untuk mengeratkan silaturahmi, malah menjadi wadah penyampaian amanat strategik bagi tahun 2026.

Selain itu, majlis ini turut memberi pengiktirafan kepada anggota yang mempamerkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2025, serta meraikan jasa bakti para pesara. Semoga penghargaan ini menjadi pemangkin semangat kepada seluruh warga kerja PKD Kulai untuk terus melakar kejayaan.



PROGRAM HI-TEA 2025 @ FOREST CITY GOLF HOTEL





LENSA KLINIK KESIHATAN KULAI BESAR





LENSA KLINIK KESIHATAN KULAI





LENSA KLINIK KESIHATAN SENAI





**LENSA
KLINIK KESIHATAN
KELAPA SAWIT**





**LENSA
WARGA
KIAMBANG**





Buletin ini bukan sekadar catatan
aktiviti, tetapi kenangan usaha,
pengorbanan dan keikhlasan setiap
warga PKD Kulai sepanjang
tahun 2025

PEJABAT KESIHATAN DAERAH KULAI

No. 21, 22 Jalan Kiambang 2,
Pusat Komersial Indah, Indahpura,
81000, Kulai, Johor



07-6622403



pkdkulai@moh.gov.my



jknjohor.moh.gov.my/pkdkulai/